

11/04/2000

Sambutan Hari Guru 2000 di Perak

Syuhada Choo Abdullah

SETELAH mengambil inisiatif mengadakan sambutan secara sederhana di Kuala Lumpur sepanjang tempoh negara dilanda masalah kegawatan dulu, perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan pada 16 Mei ini kembali kepada tradisinya apabila Perak diberi penghormatan sebagai tuan rumah.

Pada 1997, Dewan Serba Guna di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang, menjadi destinasi terakhir sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang selama ini dilancarkan secara bergilir di setiap negeri sebelum diadakan di ibu negara selama dua tahun berturut-turut akibat kegawatan ekonomi.

Majlis pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan pada 1998 berlangsung di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan di Bukit Kiara, dan di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines di Sungai Besi, Kuala Lumpur, tahun lalu.

Kali ini, majlis berkenaan dijadualkan berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan dan perasmianya dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah sejajar dengan pemulihan ekonomi negara, sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang pertama pada alaf baru ini dimeriahkan lagi dengan penambahan beberapa acara sampingan dan peningkatan dari segi ganjaran hadiah untuk pemenang anugerah.

Menurut Urus Setia Jawatankuasa Induk Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2000, acara pertandingan bahas yang dibuka khusus untuk penyertaan guru akan dihidupkan semula pada sambutan kali ini selepas terpaksa dihentikan sementara waktu akibat kekangan kewangan dulu.

Selain itu, beliau berkata, peraduan menulis karya kreatif yang terbuka kepada penyertaan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris juga diadakan.

Peraduan itu dibahagikan kepada dua kategori, iaitu penulisan karya kanak-kanak oleh guru serta cerita mengenai guru oleh pelajar. Cerita mengenai guru dibahagikan kepada dua kumpulan penyertaan, iaitu untuk peringkat murid tahap dua sekolah rendah dan pelajar menengah rendah.

Dari segi penganugerahan pula, Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan tetap akan disampaikan kepada lima penerima seperti tahun sebelumnya. Antara kriteria pemilihan diambil kira ialah dari segi jantina, daerah dan kumpulan etnik, di samping kelayakan lain yang sudah ditetapkan, termasuk keutamaan kepada calon dari kalangan bekas guru dalam bilik darjah.

Selain itu, anugerah lazim yang lain seperti Anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas, Guru Inovatif dan Sekolah Harapan Negara, akan turut disampaikan pada majlis pelancaran berkenaan nanti.

"Secara keseluruhan, ada peningkatan dari segi hadiah wang tunai untuk penerima anugerah tahun ini, kecuali pemenang Anugerah Sekolah Harapan Negara yang akan menikmati pertambahan peruntukan pembangunan sekolah," kata urus setia berkenaan.

Menurut urus setia terbabit, tema sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini ialah 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan'. Tema tahun lalu ialah 'Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang'.

Katanya, kira-kira 1,300 tetamu dari kalangan warga pendidik seluruh negara dan agensi berkaitan dengan bidang pendidikan akan dijemput memeriahkan majlis pelancaran kali ini.

Daripada jumlah itu, 1,000 jemputan adalah dikhususkan kepada warga pendidik di Perak sebagai penghormatan kepada tuan rumah.

Di samping itu, dijadualkan turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Ketua

Pengarah Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan wakil kesatuan perguruan.

"Bagi sambutan pada peringkat sekolah pula, semua pihak sekolah seluruh negara digalakkan untuk mengadakannya pada 16 Mei ini supaya suasana lebih relevan dan meriah, kecuali sekolah di Perak yang akan terbabit secara langsung dengan sambutan pada peringkat kebangsaan," katanya.

(END)